


# Kutip sampah ikut jadual: Penduduk

S.H 02/03/09 M/s 12



Sampah yang lambat dikutip menyebabkan pencemaran bau yang serius lebih-lebih lagi ketika hujan.

**TAMAN MEDAN CAHAYA** - Penduduk pangsapuri Taman Medan Cahaya Fasa 1, di sini, terpaksa berdepan dengan pencemaran bau akibat sampah yang didakwa lambat dikutip pihak kontraktor.

Tambah memburukkan keadaan, sikap segelintir penduduk yang tidak membuang sampah di dalam tong disediakan, menyebabkan sampah terdedah dan diselongkar anjing liar.

Penduduk yang ditemui, Saiful Hisham, 23, berkata, sampah yang lambat dikutip menyebabkan bau busuk dan mengganggu keselesaan penduduk.

“Kita berharap sampah di sini dapat dikutip awal. Maklum saja sekarang musim hujan, selepas hujan bau sampah memang meloyakan. Kami sudah bosan dan tidak tahan dengan masalah ini.

“Sudahlah berbau dan mengganggu keselesaan penduduk, kedatangan anjing liar bukan sahaja menyelongkar timbunan sampah malah membahayakan keselamatan penduduk terutamanya kanak-kanak,” katanya.

Justeru, penduduk berharap pihak berkenaan dapat memandang serius perkara tersebut.